

## PERNIAGAAN

# Kerjaya Prospek peroleh kontrak RM162 juta

**KUALA LUMPUR** - Kerjaya Prospek Group Bhd (Kerjaya) menerusi anak syarikat milik penuhnya, Kerjaya Prospek (M) Sdn Bhd (KPM) menerima surat lantikan (LOA) daripada Majestic Gen Sdn Bhd bagi kontrak kerja berjumlah RM162 juta.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia pada Khamis, Kerjaya berkata, kontrak melibatkan tiga lot bangunan di Johor Bharu, Johor.

Menurut kumpulan itu, kontrak akan bermula pada 1 Ogos 2025 dan tamat dalam tempoh 36 bulan daripada tarikh permulaan kontrak.

Kontrak tersebut dijangka menyediakan aliran pendapatan tambahan bagi tempoh tiga tahun akan datang dan bakal meningkatkan nilai perolehan kontrak dalam tangan sedia ada.

Dalam kenyataan berasingan, Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Kerjaya, Tee Eng Tiong berkata, ia adalah kontrak pertama diperoleh kumpulan itu di Johor pada 2025.

“Secara geografinya, tumpuan kami kekal di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor kerana kami melihat terdapatnya permintaan kukuh serta aktiviti pembangunan yang rancak,” katanya. - *Bernama*